



The Observer

17.06.2022

❖ Bank digesa supaya meningkatkan keselamatan pelanggan daripada penipuan

Baru-baru ini berlaku beberapa siri kejadian berniat jahat yang melibatkan penipuan pancingan data menggunakan aplikasi mudah alih. Ini seakan menyeru pihak bank dan institusi kewangan supaya meningkatkan tahap keselamatan bagi melindungi wang pendeposit daripada penyelewengan dan penipuan kewangan.

Dalam era pendigitalan yang menyaksikan penggunaan e-dagang secara meluas, tidak hairanlah ramai menjadi mangsa pelbagai bentuk penipuan. Penipuan melibatkan pancingan data melalui aplikasi mudah alih mula dikesan pada akhir 2021 dan semakin menjadi-jadi apabila lebih banyak kes dilaporkan.

Kita hanya dapat membuat spekulasi tentang bilangan sebenar kes yang tidak dilaporkan namun sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh perasaan malu dan demi melindungi jenama dan reputasi mereka. Bayangkan jika sebuah bank melaporkan ia telah digodam. Para pendeposit pasti menyerbu bank tersebut untuk mengeluarkan wang mereka secara besar-besaran. Oleh yang demikian, pengawal selia perlu menyatakan pendirian, yang mana mereka terpaksa mengorbankan ketelusan (dengan tidak melaporkan bahawa bank telah digodam) demi memelihara kepentingan sistem perbankan secara menyeluruh dengan melindungi nama bank yang digodam. Dalam hal ini, nampaknya matlamat mereka benar-benar mewajarkan cara.

Mangsa penipuan kadangkala dilaporkan kehilangan wang simpanan dan hasil titik peluh

Modus operandi penipuan pancingan data melalui aplikasi

Modus operandi penipuan cara ini agak canggih dan terperinci. Pada mulanya, penipu memaparkan iklan di media sosial dengan menyamar sebagai perniagaan yang sah dengan tawaran "sukar dipercayai" misalnya, diskaun besar untuk produk dan perkhidmatan, pulangan tunai dan sebagainya, untuk menarik mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa.

Apabila pengguna mengklik iklan tersebut, mereka dibawa ke sembang WhatsApp yang mana mereka akan diberikan pautan untuk memuat turun aplikasi yang bukan Google Play Store atau Apple App Store. Sebaliknya, ia adalah fail Kit Pakej Android (APK) iaitu format fail yang digunakan oleh Android untuk mengedar dan memasukkan aplikasi. Untuk menggunakannya, aplikasi tersebut memerlukan kebenaran untuk membaca mesej SMS (yang selalunya diperlukan untuk aplikasi mudah alih lain yang sah).

Selepas dimasukkan, aplikasi ini meminta pengguna mewujudkan akaun dengan maklumat seperti nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel yang diperlukan untuk pendaftaran. Kemudian, pengguna diberikan pilihan pembayaran sama ada melalui kad kredit dan pindahan bank melalui FPX.

Walau bagaimanapun, pilihan pembayaran pertama sengaja tidak disediakan supaya mangsa terpaksa log masuk ke akaun bank mereka. Pengguna tiada pilihan selain menggunakan pindahan bank FPX dengan memasukkan nama pengguna dan kata laluan mereka.

Si penipu berjaya mendapat nama pengguna dan kata laluan serta kebenaran untuk membaca SMS bagi mendapatkan TAC atau OTP yang diberikan. Nah, kini mereka sudah ada semua maklumat yang diperlukan untuk

mereka sehingga enam angka. Kebanyakan mangsa mendakwa mereka tidak menyedari bahawa wang telah dipindahkan keluar dari akaun bank mereka sehinggalah mereka menerima pemberitahuan melalui khidmat pesanan ringkas (*short message service, SMS*) daripada bank.

Mereka juga mendakwa tidak menerima Kod Kebenaran Transaksi (*Transaction Authorisation Code, TAC*) atau Kata Laluan Sekali Guna (*One Time Password, OTP*) untuk transaksi ini dan mereka juga tidak menerima panggilan daripada pihak bank untuk mengesahkan transaksi berulang yang mencurigakan.

Jawapan daripada bank pusat

Jumlah kes penipuan semakin meningkat dan lebih ramai mangsa sudah terjerat. Namun bantuan yang diharapkan masih tidak kunjung tiba.

Bank-bank dilaporkan bersikap acuh tak acuh ketika menjawab dan menangani kebimbangan pelanggan, malah meletakkan kesalahan di bahu pengguna dengan menyatakan bahawa pengguna dengan "rela" memberikan si penipu akses kepada maklumat peribadi mereka, meskipun secara lalai atau tidak sedar.

Kes-kes penipuan ini turut berisiko menghakis keyakinan terhadap institusi kewangan.

Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia (BNM) pada 10 Jun telah menyeru agar bank-bank dan institusi kewangan mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi pelanggan mereka. BNM turut memberi amaran bahawa ia akan mengambil "tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan yang sewajarnya" terhadap bank yang gagal berbuat demikian.

Bank pusat itu juga menggesa orang ramai supaya lebih berhati-hati dan melindungi maklumat peribadi mereka, selain tidak memuat turun fail atau aplikasi daripada sumber yang tidak disahkan ke peranti mudah alih mereka. Di samping itu, BNM juga mensyaratkan semua bank berlesen untuk memastikan komunikasi yang betul, serta memberikan penyelesaian yang adil kepada pelanggan yang telah mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi diri sendiri dan tidak membuat tuntutan palsu.

Walaupun bank dan pihak berkuasa berulang kali memberikan jaminan bahawa keselamatan dan sistem perbankan semasa kekal utuh dan tidak terjejas, terdapat tindak balas di media sosial terhadap bank dan pihak berkuasa yang dikatakan tidak mengambil apa-apa tindakan.

Sementara itu, Singapura nampaknya mengambil pendekatan yang lebih tegas ketika mengendalikan kes-kes penipuan serupa.

Pada bulan lepas, Oversea-Chinese Banking Corporation (OCBC) telah dikenakan tuntutan modal tambahan berjumlah kira-kira S\$330 juta oleh Lembaga Kewangan Singapura (*Monetary Authority of Singapore, MAS*) kerana 'kelemahan' bertindak balas terhadap sejumlah kes penipuan pancingan data melalui SMS palsu pada Disember 2021.

Penipuan pemancingan data melalui SMS berlaku pada Disember lalu melibatkan SMS yang kononnya dihantar oleh pihak bank. Sejumlah S\$13.7 juta telah hilang dalam siri penipuan pancingan data yang melibatkan 790 mangsa.

OCBC kemudiannya membuat "bayaran muhibah" untuk menampung sepenuhnya kerugian yang ditanggung oleh mangsa penipuan. Pembayaran ini tidak akan berulang dan dibuat sekali sahaja dan tidak bertujuan dijadikan kebiasaan jika kes ini masih berlaku pada masa hadapan.

Tuntutan modal tambahan ini memberi impak 0.21% ke atas nisbah modal Kumpulan Bank OCBC.

Apakah implikasi tuntutan modal tambahan terhadap bank?

Tuntutan modal dikenakan ke atas bank dan syarikat pemegang kewangan bagi memastikan mereka mempunyai keupayaan berterusan untuk memenuhi kewajipan apabila tiba masanya, dan pada masa yang sama mengekalkan keyakinan pelanggan, pendeposit, pemiutang dan pihak berkepentingan lain yang berurusan dengan institusi berkenaan.

Tuntutan ini juga bertujuan untuk terus melindungi pendeposit dan pemiutang utama lain jika berhadapan situasi yang melibatkan usaha berterusan dengan menyediakan kusyen tambahan dalam bentuk aset yang boleh digunakan untuk memenuhi tuntutan sekiranya berlaku pembubaran.

Walau bagaimanapun, penentang tuntutan modal tambahan berpendapat bahawa ini mungkin melonjakkan kos kredit bank, mengurangkan tahap kecairan serta menjejaskan aktiviti ekonomi.

Seperti yang disyaratkan oleh BNM, institusi kewangan tempatan hendaklah memegang dan mengekalkan nisbah kecukupan modal minimum berikut iaitu 4.5%, 6.0% dan 8.0% untuk Nisbah Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (*Common Equity Tier 1, CET1*), Nisbah Modal Tahap 1 dan Nisbah Jumlah Modal.

Bagi Bank Domestik yang Penting Dari Segi Sistemik (*Domestic Systemically Important Banks, D-SIB*) mereka dikehendaki mengekalkan penampakan modal yang lebih tinggi bagi memenuhi tuntutan modal kawal selia yang merangkumi tuntutan Penyerapan Kerugian yang Tinggi (*Higher Loss Absorbency, HLA*). Tuntutan HLA yang diaplikasikan oleh tiga D-SIB (Malayan Banking Berhad, CIMB Group Holdings Berhad dan Public Bank Berhad) adalah pada julat antara 0.5% hingga 1.0% daripada aset berwajaran risiko, pada tahap disatukan.

Tanggungjawab bank untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap penipuan

Sewaktu mengumumkan tuntutan modal tambahan ke atas OCBC, MAS juga menekankan bahawa institusi kewangan perlu bertindak lebih pantas dan lebih cekap dengan melaksanakan langkah-langkah yang mantap untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap penipuan.

"Ini bermakna bank perlu memastikan kawalannya kekal berkesan terhadap taktik penipuan yang berubah-ubah dan tindakan diambil tepat pada masanya sebaik sahaja kejadian penipuan itu dikesan. Pengguna juga perlu berwaspada terhadap percubaan yang sering dilakukan oleh penipu untuk memperdaya mereka supaya memberikan butiran log masuk mereka atau membuat pemindahan wang itu sendiri," katanya dalam kenyataan media bertarikh 26 Mei.

Sejurus selepas kejadian itu, OCBC telah memperkenalkan beberapa langkah keselamatan yang dipertingkatkan bagi memerangi penipuan kewangan. Ini termasuk mengetatkan had pindahan dana harian, memperkenalkan tempoh bertenang sekurang-kurangnya 12 jam sebelum melaksanakan perubahan utama pada akaun pelanggan seperti mengemas kini nombor mudah alih untuk pemberitahuan serta pelancaran "suis mati" yang membolehkan pelanggan membekukan serta merta kesemua akaun simpanan dan akaun semasa mereka apabila berlaku kecemasan.

Kesimpulan

Taktik penipuan semakin canggih dan menjadi-jadi, selaras dengan kemajuan teknologi. Banyak kes penipuan hari ini, terutama yang dilakukan dalam talian, hanyalah modus operandi skim lama yang digunakan untuk menipu pelabur di luar talian selama bertahun-tahun. Hanya mediumnya berubah iaitu daripada fizikal kepada maya.

Penipu cenderung memanipulasi sifat tamak golongan rentan dan mereka yang tidak menaruh syak wasangka. Walaupun institusi kewangan memainkan peranan mereka untuk melindungi para pelanggan, langkah keselamatan yang paling ketat pun tidak dapat melindungi kita jika kita tidak berwaspada dan berhati-hati.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 Jun 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
20.06.22 (Isnin) 10.00 pagi	PBA Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan PBA menyusut 0.44% tahun ke tahun, berjumlah RM334.82 juta pada tahun kewangan 2021, manakala keuntungan bersihnya meningkat 48% tahun ke tahun, berjumlah RM36.74 juta. Ini disumbangkan oleh manfaat cukai tertunda berjumlah RM9 juta, serta penggunaan elaun pelaburan semula yang tidak diserap sebanyak RM78 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding kira-kira RM12.0 juta pada tahun kewangan 2020.

<p>21.06.22 (Selasa) 09.00 pagi</p>	<p>Duopharma Biotech Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat berdepan halangan pada tahun kewangan 2021 apabila rancangannya untuk mengedarkan vaksin COVID-19 Sputnik V buatan Rusia tidak menjadi kenyataan.</p> <p>Namun begitu, syarikat telah dilantik sebagai pengedar untuk vaksin Sinopharm China iaitu Covillo.</p> <p>Prestasi syarikat pada tahun kewangan 2022 akan terus didorong oleh pembekalan produk farmaseutikal dan bukan farmaseutikal kepada kerajaan, penjualan produk penjagaan kesihatan pengguna dan pembekalan ubat-ubatan kepada sektor perubatan swasta.</p>
<p>21.06.22 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Suria Capital Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Dirangsang oleh peningkatan pendapatan daripada operasi pelabuhan serta perkhidmatan pembinaan bagi infrastruktur konsesi sambungan jeti Terminal Minyak Teluk Sapangar, pendapatan kumpulan meningkat 10.2% kepada RM251.3 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM228.0 juta setahun tahun lalu. Oleh yang demikian, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM58.6 juta berbanding RM48.0 juta pada tahun sebelumnya.</p>
<p>21.06.22 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Harn Len Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2021, pendapatan Harn Len meningkat sebanyak 80% kepada RM219.4 juta terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) dan isirong sawit (<i>palm kernel</i>, PK) serta volum jualan yang bertambah baik.</p> <p>Walau bagaimanapun, syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM23.2 juta</p>

		<p>disebabkan oleh keuntungan yang rendah daripada Segmen Perladangan, kerugian dalam Segmen Hartanah dan Lain-lain serta rosot nilai tidak berulang ke atas penghutang lain.</p> <p>Kerugian yang ditanggung oleh operasi hartanah sebahagian besarnya disebabkan oleh penepian sewa dan kadar penghunian yang rendah, serta rosot nilai ke atas penghutang lain.</p>
22.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	DRB-Hicom Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM12.4 bilion iaitu 6.1% lebih rendah berbanding RM13.2 bilion pada tahun kewangan 2020. Selepas ditolak RM1.28 bilion yang diperolehi daripada pelupusan aset hartanah pada tahun kewangan 2020, pendapatan operasi bagi tahun kewangan 2021 sepatutnya RM0.5 bilion lebih tinggi daripada pendapatan normal yang berjumlah RM11.9 bilion pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Walaupun kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) berjumlah RM291.3 juta, berbanding keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) sebanyak RM540.1 juta pada tahun kewangan 2020, ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan daripada penjualan hartanah pada tahun kewangan 2020. Jika bukan kerana penjualan hartanah, kerugian Kumpulan akan menyusut dengan ketara dari tahun ke tahun, disebabkan oleh sumbangan yang positif daripada Bahagian Automotif.</p>
22.06.22 (Rabu) 11.00 pagi	Sapura Industrial Berhad (AGM)	Kumpulan mampu mengaut keuntungan bersih berjumlah

		RM0.7 juta bagi tahun kewangan 2021, sebaliknya mencatatkan kerugian berjumlah RM3.8 juta. Kerugian ini telah mengambil kira pendapatan tidak berulang berjumlah RM4.1 juta yang diterima daripada prosiding pembubaran Sapura Schulz Hydroforming Sdn. Bhd. ('Sapura Schulz').
22.06.22 (Rabu) 02.00 petang	Astro Malaysia Holdings Berhad (AGM)	Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti, (<i>Profit after tax and minority interest, PATAMI</i>) Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 menyusut 15% kepada RM461 juta (tahun kewangan 2021: RM540 juta), disebabkan oleh keuntungan sebelum cukai, faedah, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortization, EBITDA</i>) yang lebih rendah, diimbangi oleh kos kewangan bersih, perbelanjaan susut nilai dan pelunasan yang lebih rendah. Sehubungan itu, perolehan sesaham (<i>earnings per share, EPS</i>) menyusut 15% kepada 8.8 sen.
22.06.22 (Rabu) 02.30 petang	Muhibbah Engineering (M) Bhd (AGM)	Muhibbah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM2.5 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding kerugian bersih RM84.11 juta pada tahun kewangan 2020. Peningkatan prestasi yang ketara ini disebabkan oleh keuntungan berjumlah RM55.71 juta yang dicatatkan daripada aktiviti operasi, berbanding kerugian RM59.58 juta daripada aktiviti operasi pada tahun sebelumnya.
22.06.22 (Rabu) 03.30 petang	Muhibbah Engineering (M) Bhd (EGM)	Syarikat bercadang untuk mewujudkan skim terbitan saham pekerja baharu, yang terdiri daripada skim opsyen saham pekerja dan pelan geran saham.

23.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	FGV Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan FGV meningkat 39% tahun ke tahun kepada RM19.57 bilion (2020: RM14.08 bilion) manakala keuntungan bersih melonjak kepada RM1.17 bilion pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM0.15 bilion). Peningkatan ini disumbangkan oleh margin produk yang lebih tinggi yang disumbangkan oleh harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i> , CPO) yang lebih tinggi, pemulihan perniagaan Gula serta peningkatan volum produk bernilai tinggi dan kos kendalian berubah yang lebih rendah dalam perniagaan Logistik. Tahun ini menyaksikan prestasi terbaik syarikat sejak penyenaraianya.
23.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	My E.G. Services Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pertumbuhan pendapatan 36.1% tahun ke tahun kepada rekod tertinggi RM721.88 juta (tahun kewangan 2020: RM530.46 juta), manakala keuntungan bersih juga mencapai rekod RM316.7 juta, dengan peningkatan 18.5% daripada tahun sebelumnya (tahun kewangan 2020: RM267.2 juta). Keputusan kewangan yang membanggakan ini disumbangkan oleh seluruh spektrum perniagaannya, daripada perkhidmatan konsesi kepada perkhidmatan komersial.</p> <p>Sumbangan daripada perkhidmatan baharu, khususnya dalam bidang penjagaan kesihatan dan peningkatan trend yang lebih meluas dalam volum urus niaga dalam talian telah menyumbang kepada prestasi kewangan yang teguh bagi tahun kewangan 2021.</p>
23.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	UEM Sunrise Berhad (AGM)	Syarikat mengatasi sasaran jualan sebanyak 22% dengan jumlah RM1.2 bilion, manakala

		jumlah jualan hartanah mencapai angka RM1.5 bilion. Bagaimanapun, ia mengalami kerugian bersih sebanyak RM213 juta disebabkan peruntukan rosot nilai untuk inventori dan aset yang telah menjejaskan marginnya pada suku tahun keempat tahun kewangan 2021. Ini pasti memberi kesan terhadap keputusan keseluruhan bagi tahun kewangan 2021.
23.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Sarawak Oil Palms Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2021, SOP mencatatkan rekod keuntungan bersih yang tinggi berjumlah RM541 juta, dengan peningkatan 146% daripada RM220 juta setahun lalu. Prestasi ini didorong oleh harga produk sawit yang lebih tinggi walaupun pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) merosot.</p> <p>Harga direalisasi yang lebih tinggi bagi produk minyak sawit yang dijual juga mendorong lonjakan sebanyak 60% dalam pendapatan kepada RM4.4 bilion pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Harga direalisasi purata bagi minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) telah meningkat sebanyak 62% daripada RM2,729 kepada RM4,430 setiap tan metrik.</p>
23.06.22 (Khamis) 10.30 pagi	Adventa Berhad (AGM)	Adventa berjaya memulihkan prestasinya pada tahun kewangan 2021 selepas mengalami kerugian dalam tempoh dua tahun dengan mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM13 juta. Syarikat sedang mengembangkan barisan produknya dan terus membina jenama dalaman bagi bekalan pakai buang untuk kegunaan pembedahan dan

		hospital di bawah nama 'Connex'.
23.06.22 (Khamis) 10.30 pagi	BCM Alliance Berhad (AGM)	<p>Walaupun pendapatan BCM mencatatkan pertumbuhan 10.5% kepada RM75.3 juta pada tahun kewangan 2021, syarikat merekodkan kerugian bersih berjumlah RM1.18 juta berbanding keuntungan bersih RM2.66 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh lonjakan dalam bayaran profesional untuk perniagaan produk penjagaan kesihatan serta perbelanjaan pemasaran Kumpulan untuk perniagaan kit ujian Covid-19 dan perniagaan perkhidmatan dobi yang disediakan atas permintaan.</p>
23.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	Sarawak Oil Palms Berhad (EGM)	SOP mencadangkan terbitan bonus sehingga 303.14 juta saham berdasarkan satu saham bonus bagi setiap dua saham sedia ada yang dipegang.
23.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	TDM Berhad (AGM)	<p>Pendapatan TDM meningkat 15.5% kepada RM511.6 juta pada tahun kewangan 2021, disumbangkan segmen Perladangan berikutan harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) yang lebih tinggi serta pemulihan segmen Penjagaan Kesihatan.</p> <p>Pendapatan daripada segmen Perladangan meningkat 19.6% kepada RM287.3 juta. Pendapatan daripada segmen Penjagaan Kesihatan pula meningkat 10.7% kepada RM224.3 juta. Peningkatan ketara dalam rawatan pesakit luar dan lonjakan dalam pendapatan purata bagi setiap pesakit dalaman lebih daripada membalas timbal penyusutan</p>

		jumlah pesakit dalaman dan kadar penghunian.
23.06.22 (Khamis) 03.00 petang	Sunway Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan mencatatkan peningkatan sebanyak 15.8% kepada RM3.71 bilion dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM463.9 juta daripada operasi berterusan pada tahun kewangan 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada kebanyakan segmen perniagaan kecuali bahagian pelaburan hartanah.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan 2021 adalah 5.3% lebih rendah disebabkan oleh sumbangan keuntungan yang lebih rendah daripada bahagian pembangunan hartanah dan kuari.</p> <p>Keuntungan Kumpulan mungkin lebih tinggi sekiranya prestasi operasi bahagian penjagaan kesihatan tidak didedahkan secara berasingan di bawah operasi yang dihentikan.</p>
24.06.22 (Jumaat) 09.00 pagi	Watta Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 1.8% tahun ke tahun kepada RM11.980 juta (2020: RM12.196 juta), namun prestasinya menunjukkan peningkatan daripada kerugian RM1.437 juta kepada RM1.163 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh lebihan daripada penilaian semula hartanah pelaburan berjumlah RM0.47 juta.</p> <p>Secara keseluruhan, prestasi Kumpulan adalah dipengaruhi oleh pandemik COVID-19, namun pendapatan daripada penyenggaraan dan pembaikan</p>

		<p>telefon bimbit telah menunjukkan peningkatan dari Ogos 2021 dan seterusnya.</p> <p>Jangkaan peningkatan dalam jualan telefon bimbit di Malaysia dijangka menyumbang kepada peningkatan volum kerja-kerja pembaikan pada 2022.</p>
24.06.22 (Jumaat) 09.00 pagi	China Ouhua Winery Holdings Limited (AGM)	<p>Pada tahun 2021, pendapatan Syarikat menyusut 23.32% daripada RMB20.499 juta kepada RMB15.721 juta. Kerugian bersih bagi tahun tersebut berjumlah RMB4.263 juta.</p> <p>Keputusan operasinya terjejas teruk disebabkan pandemik COVID-19 yang berpanjangan, walaupun selepas ditolak kerugian daripada penurunan nilai inventori berjumlah RMB0.4 juta.</p> <p>Persaingan yang semakin sengit dalam pasaran kilang wain di China serta peningkatan bahagian pasaran untuk wain import di China menyebabkan penyusutan dalam prestasi jualan jenama-jenama utama wain dalam negara.</p>
24.06.22 (Jumaat) 05.00 petang	SC Estate Builder Berhad (EGM)	<p>SCBUILD menerima Notis Permintaan daripada tiga pemegang saham (yang memegang sekurang-kurangnya 10% saham Syarikat) untuk mengadakan EGM dengan agenda memecat 11 pengarah dan melantik 6 orang sebagai pengarah Syarikat.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
PBA Holdings Berhad (AGM)	"Walaupun pengekalan tarif air yang "mesra rakyat" di Pulau Pinang sentiasa menjadi keutamaan, 'ketersediaan air' adalah lebih penting berbanding 'bekalan air yang mampu milik' apabila krisis air

	<p>berkemungkinan berlaku tidak lama lagi." (Halaman 37, Laporan Tahunan 2021). Tambahan pula, Pulau Pinang mencatatkan penggunaan air domestik tertinggi iaitu 308 liter/orang/hari. Selepas mempertimbangkan perkara di atas, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan memohon semakan tarif air berdasarkan penyerahan rancangan perniagaannya yang kelima kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Bilakah tarikh penyerahan rancangan perniagaan kelima ini dan bilakah keputusannya dijangka dapat diketahui?</p>
<p>Duopharma Biotech Berhad (AGM)</p>	<p>1. Syarikat mengadakan rundingan awal dengan Kerajaan untuk mengedarkan vaksin buatan Rusia yang dinamakan Sputnik V. Bagaimanapun, rundingan itu tidak menjadi kenyataan. Walau bagaimanapun, pada Julai 2021, Syarikat memperoleh kelulusan pendaftaran bersyarat daripada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (<i>Drug Control Authority, DCA</i>) Malaysia untuk Sinopharm, yang dikeluarkan di China. Pada September 2021, syarikat menerima penghantaran pertama vaksin tersebut, berjumlah hampir satu juta dos. Pada masa ini, vaksin yang dikenali sebagai Covilo boleh didapati di klinik dan hospital swasta. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Berapakah jumlah vaksin Covilo yang akan dibawa masuk ke negara ini mengikut perjanjian dengan Sinopharm?</p> <p>b) Berapakah jangkaan pendapatan daripada perjanjian ini yang akan direkodkan bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>2. Pasaran farmaseutikal halal global terus berkembang dan diunjurkan mencecah USD105 bilion pada 2024 daripada USD94 bilion pada 2019, didorong oleh peningkatan permintaan daripada penduduk beragama Islam di seluruh dunia.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk terus menembusi pasaran farmaseutikal halal global?</p>
<p>Suria Capital Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mempelbagaikan perniagaannya dengan menceburi pembangunan hartanah untuk memanfaatkan dan memaksimumkan nilai aset tanahnya dalam Daerah Perniagaan Pusat yang bersebelahan tanah Pelabuhan Kota Kinabalu.</p> <p>a) Sijil penghunian untuk Jesselton Quay Central (JQC) Fasa 1 telah dianugerahkan pada 19 Januari 2022.</p>

	<p>Berapa peratuskah yang diterima oleh SURIA sebagai pemilik tanah untuk pembangunan memandangkan kelayakan diberi dalam bentuk tunai dan barangan iaitu unit hartanah?</p> <p>b) Fasa 2 JQC dan Parcel A Jesselton Quay yang akan dibangunkan di atas baki keluasan tanah, sedang dirancang semula dan disasarkan untuk pelancaran sebelum penghujung tahun 2022. Apakah komponen dalam Fasa 2 JQC dan Parcel A Jesselton Quay dan berapakah anggaran nilai pembangunan kasar?</p> <p>c) Suria dan Gabungan AQRS Berhad telah bersetuju untuk menamatkan rancangan untuk membangunkan One Jesselton Waterfront secara usaha sama. Adakah SURIA mempunyai apa-apa rancangan untuk tanah seluas 8.28 ekar itu dalam jangka masa terdekat?</p>
<p>Harn Len Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Pada tahun 2017, Syarikat telah melupuskan 100% kepentingannya dalam anak syarikat, Gemilang Bumimas Sdn. Bhd., dengan balasan tunai RM13.6 juta kepada pihak luar tertentu yang mana pihak berkaitannya juga merupakan pembekal kepada Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan telah menahan pembayaran kepada pembekal dan jumlah yang perlu dibayar adalah melebihi hasil jualan yang belum diterima.</p> <p>Pada tahun yang ditinjau, Pengarah Syarikat tidak berjaya dalam perundingan untuk mendapatkan hak bagi membalas timbal bakinya dan oleh itu telah memutuskan untuk mengenakan rosot nilai sepenuhnya ke atas jumlah penghutang. Rundingan dengan pembekal masih diteruskan selepas tarikh kunci kira-kira dan persetujuan untuk membalas timbal masih belum dicapai pada tarikh laporan. (Halaman 154, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah status terkini rundingan dengan pembekal? Adakah Syarikat menjangkakan untuk mendapatkan semula RM13.6 juta itu?</p>
<p>DRB-Hicom Berhad (AGM)</p>	<p>Banjir besar yang berlaku pada penghujung tahun lalu turut menyaksikan 118,000 set enjin pemasangan tempatan (<i>Complete Knocked Down, CKD</i>) yang disimpan di sebuah gudang di Shah Alam ditenggelami air, lantas menjejaskan pengeluaran sehingga April 2022 (Halaman 124, Laporan Tahunan 2021). Hapus kira hartanah, loji dan peralatan melonjak kepada RM33.4 juta (2020: RM4.6 juta) (Halaman 162, Laporan Tahunan 2021). Termasuk dalam hapus kira adalah hartanah, loji</p>

	<p>dan peralatan tertentu dengan nilai bawaan RM32.7 juta. Hapus kira tersebut disebabkan oleh banjir teruk di Shah Alam pada pertengahan Disember 2021. (Nota 13, Halaman 241, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah kesan kewangan dan bukan kewangan terhadap Kumpulan yang timbul daripada kejadian banjir?</p> <p>b) Apakah tindakan pencegahan banjir yang diambil oleh Kumpulan bagi mengelakkan gangguan kepada operasinya pada masa hadapan?</p>
Sapura Industrial Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah menghapus kira sejumlah besar loji, mesin, pemasangan elektrik, peralatan kilang dan alatan aplikasi (<i>plant, machinery, electrical installation, factory equipment and application tools, PMEIFEAT</i>) berjumlah RM32.2 juta pada tahun kewangan 2022 dan RM27.3 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 115 dan 117 daripada Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan Kumpulan menghapus kira sejumlah besar PMEIFEAT dalam tempoh dua tahun yang lalu?</p> <p>b) Apakah kategori aset daripada PMEIFEAT yang telah dihapus kira pada tahun kewangan 2022 dan 2021?</p> <p>c) Adakah Syarikat perlu mengubah kadar susut nilai ke atas PMEIFEAT yang kerap dihapus kira? Jika ya, apakah kadar susut nilai baharu?</p> <p>d) Adakah hapus kira yang sama banyak akan dibuat ke atas PMEIFEAT pada tahun kewangan 2023?</p>
Astro Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada akhir tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2021, penghutang dagangan kasar masing-masing berjumlah RM277.430 juta dan RM295.824 juta. Rosot nilai ke atas penghutang dagangan berjumlah RM42.361 juta dan RM48.733 juta, masing-masing merangkumi 15.3% dan 16.5% daripada penghutang dagangan kasar. (Halaman 249 dan 274, Laporan Tahunan Bersepadu 2022).</p> <p>Mengapakah terdapat peratusan yang tinggi bagi penghutang dagangan yang dirosot nilai? Bukankah sepatutnya Kumpulan mengkaji semula dasar pengurusan risiko kreditnya untuk meminimumkan jumlah penghutang dagangan yang dirosot nilai? Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula jumlah yang dirosot nilai?</p>

<p>Muhibbah Engineering (M) Bhd (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2021, terdapat bahagian kerugian selepas cukai daripada syarikat bersekutu berjumlah RM28,053,000 (tahun kewangan 2020: Bahagian keuntungan selepas cukai daripada syarikat bersekutu berjumlah RM12,482,000) (Halaman 56, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Syarikat bersekutu manakah yang menyumbang bahagian kerugian kepada Kumpulan?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh syarikat bersekutu?</p> <p>c) Adakah mana-mana syarikat bersekutu ini dijangka terus mengalami kerugian pada tahun kewangan 2022? Jika ya, apakah sebabnya?</p>
<p>Muhibbah Engineering (M) Bhd (EGM)</p>	<p>Selaras dengan tadbir urus korporat yang lebih baik, MSWG tidak menggalakkan amalan menawarkan skim opsyen saham pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) kepada mana-mana pengarah bukan eksekutif (<i>non-executive directors, NED</i>) kerana mereka memainkan peranan semak dan imbang secara bebas (dan bukan peranan eksekutif) dalam Syarikat serta bertanggungjawab memantau peruntukan saham tersebut kepada pekerja dan pengarah eksekutif.</p> <p>Lagipun, ESOS mengikut definisi merujuk kepada skim untuk pekerja sahaja.</p> <p>Terdapat juga risiko seseorang NED terlalu menumpukan kepada harga saham Syarikat. Ini boleh menjejaskan kesaksamaan apabila mereka membuat sesuatu keputusan yang mana ia perlu dibuat tanpa merujuk kepada pertimbangan harga saham.</p> <p>Di bawah cadangan pemberian Opsyen Skim Terbitan Saham (<i>Share Issuance Scheme, SIS</i>) dan Anugerah SGP kepada pengarah MEB, terdapat seorang NED, iaitu Mazlan bin Abdul Hamid, yang layak melanggan Saham baharu serta menerima Anugerah SGP (Resolusi Biasa 6, Notis EGM).</p> <p>a) Mengapa SIS ditawarkan kepada NED sedangkan beliau tidak menjalankan peranan eksekutif? Bukankah yuran pengarah dan manfaat lain yang diterima sudah mencukupi sebagai ganjaran terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh beliau?</p> <p>b) Menyentuh peranan pengarah bukan eksekutif dalam MEB, apakah pandangan beliau terhadap SIS? Adakah beliau berminat untuk menerima saham</p>

	tersebut sekiranya Opsyen SIS dan Anugerah SGP ditawarkan kepadanya?
FGV Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Usaha penanaman semula oleh Kumpulan masih diteruskan. Namun, disebabkan cabaran pada tahun ini, Kumpulan hanya berjaya menyelesaikan penebangan 13,127 hektar dan menanam semula 2,815 hektar daripada tanah simpanannya. Melangkah ke hadapan, Kumpulan komited untuk kembali ke landasan yang betul dengan menyasarkan penanaman semula sebanyak 15,000 hektar setiap tahun. (Halaman 45, Laporan Tahunan Bersepadu 2021)</p> <p>Setakat ini, adakah Kumpulan berjaya mengikut jadual penanaman semula seperti yang disasarkan? Apakah status terkini penanaman semula pokok kelapa sawit oleh Kumpulan?</p> <p>2. Inventori dihapus kira meningkat dengan ketara kepada RM9.2 juta (2020: RM3.6 juta) (Halaman 21, Penyata Kewangan Beraudit 2021). Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam hapus kira inventori?</p>
My E.G. Services Berhad (AGM)	<p>Jumlah inventori mencatatkan lonjakan ketara kepada RM18.3 juta (tahun kewangan 2020: RM3.4 juta) (Halaman 150, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam inventori? Apakah yang terkandung dalam inventori?</p>
UEM Sunrise Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengklasifikasikan semula 'Sukuk Prihatin' kepada pelaburan jangka pendek memandangkan tempoh matangnya akan berakhir pada 22 September 2022. 'Sukuk Prihatin' diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia dan memperoleh keuntungan sebanyak 2.0% setahun (2020: 2.0%). (Halaman 247, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan membuat rosot nilai sepenuhnya untuk Sukuk Prihatin sebanyak RM22.53 juta pada tahun kewangan 2020 sedangkan ia dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dan perlu dianggap sebagai hutang berdaulat yang selamat?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan Kumpulan melabur dalam Sukuk Prihatin?</p>

	<p>c) Pernahkah Kumpulan menerima apa-apa keuntungan daripada Sukuk Prihatin sejak tarikh pembelian? Jika ada, berapakah jumlah yang diterima sehingga kini?</p> <p>d) Kumpulan mempunyai baki RM5 juta Sukuk Prihatin yang diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka pendek dalam Nota 27. Mengapakah jumlah ini tidak dirosot nilai sepenuhnya seperti RM22.53 juta yang dinyatakan di atas? (Halaman 260, Laporan Tahunan Bersepadu)</p>
Sarawak Oil Palms Berhad (AGM)	<p>Dalam operasi perladangan, pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) pada tahun 2021 adalah sebanyak 1,246,249 tan metrik, menyusut 8% daripada 1,358,049 tan metrik pada tahun 2020. Hasil menurun kepada 15.23 tan metrik sehektar berbanding 16.58 metrik tan metrik pada tahun 2020, sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan tenaga buruh terutama pemetik buah kelapa sawit. (Halaman 24, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah unjuran pertumbuhan Kumpulan untuk pengeluaran FFB bagi tahun kewangan 2022? Adakah Kumpulan menjangkakan pemulihan hasil bagi tahun ini? Jika ya atau tidak, apakah sebabnya?</p>
Adventa Berhad (AGM)	<p>Syarikat sedang mengembangkan barisan produknya dan terus membina jenama dalaman bagi bekalan pakai buang untuk kegunaan pembedahan dan hospital di bawah nama 'Connecx'. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Berapakah jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan 'Connecx' pada tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Apakah rancangan Syarikat untuk mengembangkan lagi jualan produk ini pada masa hadapan?</p>
BCM Alliance Berhad (AGM)	<p>Penghutang lain meningkat daripada RM1.5 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM36.5 juta pada tahun kewangan 2021. Jumlah ini (yang merangkumi penghutang lain, deposit dan bayaran pendahuluan) terus melonjak kepada RM65.4 juta pada suku tahun pertama tahun kewangan 2022. (Halaman 125, Laporan Tahunan 2021 dan Halaman 3, Laporan Suku Tahun Pertama Tahun Kewangan 2022)</p>

	<p>Apakah yang terkandung dalam penghutang lain? Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penghutang lain pada tahun kewangan 2021 dan pada suku tahun pertama tahun kewangan 2022?</p>
TDM Berhad (AGM)	<p>Percubaan untuk melupuskan aset perladangan di Kalimantan, Indonesia telah dibatalkan pada suku tahun ketiga 2021, mengakibatkan kerugian yang meningkat secara mendadak daripada operasi yang dihentikan serta menyebabkan kerugian komprehensif bagi tahun kewangan 2021. Walau bagaimanapun, pada suku tahun pertama 2022, Kumpulan telah menerima tawaran baharu untuk cadangan pelupusan aset Indonesia yang merugikan dengan balasan tunai RM115 juta. TDM telah pun memperuntukkan rosot nilai bagi pelaburan aset Indonesia sejak tahun kewangan 2017, berjumlah RM729 juta, dan anak syarikat Kumpulan di Indonesia juga telah diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk jualan sejak tahun kewangan 2019.</p> <p>Kedua-dua anak syarikat itu tidak menguntungkan malah kerugian sejak penubuhannya dan dijangka tidak menjana keuntungan dalam tempoh terdekat. Pelupusan yang dicadangkan itu membolehkan TDM dan anak syarikatnya keluar dari operasinya di Indonesia dan menumpukan sumbernya kepada operasinya di Malaysia. (Halaman 27 dan 34, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang berlaku yang menyebabkan rosot nilai yang besar berjumlah RM729 juta sejak tahun kewangan 2017?</p> <p>b) Bilakah Kumpulan mula melabur dalam anak-anak syarikat di Indonesia dan berapakah jumlah pelaburan setakat ini?</p> <p>c) Mengapakah anak-anak syarikat ini tidak memperoleh keuntungan sejak diperbadankan?</p>
Sunway Berhad (AGM)	<p>Jumlah kasar bagi penghutang dagangan lebih 120 hari lampau tempoh melonjak daripada RM148.2 juta pada 31 Disember 2020 kepada RM211.7 juta pada 31 Disember 2021.</p> <p>a) Segmen manakah yang mempunyai penghutang dagangan paling banyak melebihi 120 hari?</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula penghutang dagangan yang tertunggak?</p>

<p>Watta Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Memandangkan pandemik COVID19 masih belum berakhir, pendapatan Kumpulan menyusut kepada RM11.980 juta (2020: RM12.196 juta). Demi menampung kehilangan pendapatan, Kumpulan mula menjual pelindung skrin kalis impak dan memperkenalkan tawaran pembaikan, lanjutan jaminan dan juga mula menjual aksesori telefon bimbit. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Sejauh manakah jualan pelindung skrin kalis impak dan aksesori telefon bimbit menyumbang kepada pendapatan Kumpulan?</p> <p>b) Apakah perancangan Kumpulan untuk meningkatkan pendapatannya pada masa hadapan?</p>
<p>China Ouhua Winery Holdings Limited (AGM)</p>	<p>Pada 17 Disember 2013, Kumpulan telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (<i>Sale and Purchase Agreement, SPA</i>) dengan Pejabat Daerah Kecil Huangwu, Daerah Zhifu, Bandar Yantai, Republik Rakyat China (<i>People's Republic of China, PRC</i>) ('Penguasa Tempatan') untuk memperoleh semua tanah, bangunan dan kemudahan sampingan termasuk peralatan pengagihan kuasa 320 KVA, sistem bekalan air, jalan raya dan dinding yang dibina di sekeliling kilang (secara kolektif dikenali sebagai 'Aset') yang terletak di No. 3 Wolong North Road, Yantai City yang telah dipajak oleh Kumpulan sejak 1997, dengan balasan tunai berjumlah RMB132,000,000. (Halaman 87, Laporan Tahunan)</p> <p>Kumpulan telah membayar RMB118.8 juta kepada Penguasa Tempatan namun Aset masih belum dipindahkan kepada Syarikat.</p> <p>a) Mengapakah Penguasa Tempatan masih belum dapat memindahkan Aset kepada Kumpulan?</p> <p>b) Mengapakah Kumpulan tidak menamatkan perjanjian tersebut memandangkan ia masih belum dapat diselesaikan sejak sembilan tahun yang lalu?</p> <p>c) Mengapakah Kumpulan tidak meminta balik bayaran deposit sebanyak RMB118.8 juta daripada Penguasa Tempatan?</p> <p>d) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Syarikat untuk menyelesaikan pemindahan Aset?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.